



PERINGATAN KEDUA

Ruj. Kami : JANMSEL.A.400-1/3/13 JLD.2 (2)
Tarikh : 8 Mac 2022

**Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN BAGI BULAN JANUARI 2022

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2019** telah menggariskan **peraturan dan tanggungjawab PTJ** mengenai **penyelenggaraan dan semakan laporan dalam persekitaran iGFMS** bagi memastikan peruntukan, tanggungan dan perbelanjaan yang diluluskan dikemaskini dengan tepat dan betul. **Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan dan Semakan Laporan** adalah seperti pada **Lampiran F, SPANM Bil. 3 Tahun 2019**.

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ YBhg. Dato'/Tuan/Puan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan Bulanan kepada Pejabat Perakaunan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya pada 14 hari bulan pada bulan berikutnya**.

4. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai	No. Telefon
Puan Suhaila Binti Mukhtar	03-55205311
Puan Izlin Idayu Binti Musa	03-55205270
Puan Nurul Syahidah binti Omar	03-55205325

5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(RUZINAH BINTI RUKUN C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Selangor

No. Tel : 03-55205201 No. Faks : 03-55205281

E-mel : pneq_sqr@anm.gov.my

**SENARAI PTJ YANG BELUM MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN
BAGI BULAN JANUARI 2022**

Kemaskini sehingga 7 Mac 2022

BIL	KOD PTJ	NAMA PTJ
1	42060801	JKN SELANGOR PEJ KESIHATAN GOMBAK UNIT PENTADBIRAN/KEWANGAN/PENGURUSAN
2	50300101	RUMAH SERI KENANGAN CHERAS